

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA MENEPONG  
TAWAR KAPAL TLDM KD SRI INDERA SAKTI, DI  
PELABUHAN KELANG PADA 29<sup>HB</sup> DISEMBER, 1980

Yang Berhormat, Timbalan Menteri Pertahanan<sup>1</sup>, Ketua Turus Angkatan Tentera Darat<sup>2</sup>, Ketua Turus Tentera Laut<sup>3</sup>, Ketua Turus Tentera Udara<sup>4</sup>, Kapten Mohamed Khalid, Pegawai-pegawai dan Anak-anak Kapal KD SRI INDERA SAKTI, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul di majlis ini. Seterusnya saya mengucapkan selamat kembali ke tanahair kepada pegawai-pegawai dan anak-anak kapal Di Raja Sri Indera Sakti ini setelah berada di seberang laut untuk beberapa waktu.

Peranan dan tanggungjawab Tentera Laut di Raja Malaysia adalah berat lagi penting. Selain dari tugas utamanya iaitu menjaga perairan dan keselamatan negara, TLDM juga mempunyai peranan membantu nelayan-nelayan dan lain-lain pihak khususnya apabila mereka memerlukan bantuan atau pertolongan.

Tugas-tugas TLDM ini sudah tentu akan bertambah dalam tahun-tahun yang akan datang. Tugas yang lebih ini juga membawa beberapa cabaran baru tetapi saya percaya TLDM seperti mana yang telah dibuktikan olehnya pada masa-masa yang lalu, akan dapat menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran ini dengan jayanya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Kerajaan sekarang ini sedang berusaha untuk memperluas serta mempermodenkan lagi Angkatan Bersenjataanya seimbang dengan kemampuan negara. Walaupun perhatian yang berat ditumpukan kepada usaha-usaha pembangunan negara, namun demikian, keselamatan negara juga diberi perhatian yang sewajarnya. Tanpa

---

1 YB Mokhtar bin Hashim.

2 General Tan Sri Dato' Mohamad Ghazali bin Seth.

3 Laksamana Muda Dato' Mohd. Zain bin Mohd. Salleh.

4 Datuk Mohamad bin Taib.

keselamatan usaha-usaha pembangunan kita akan terjejas. Pembelian kapal KD Sri Indera Sakti ini membuktikan hasrat Kerajaan untuk melengkapkan angkatan bersenjata kita dengan peralatan dan kemudahan bagi memenuhi keperluan pertahanan negara dengan berkesan.

Sepertimana kita semua maklum, hasrat ASEAN untuk menjadikan Rantau Asia Tenggara sebagai satu kawasan aman, bebas dan berkecuali, merupakan satu matlamat yang penting. Usaha-usaha telah dijalankan untuk membawa kenyataan kepada konsep ini tetapi kita masih menghadapi beberapa rintangan. Walau apapun rintangannya kita tidak akan berhenti untuk berusaha ke arah mencapai matlamat ini. Dengan keamanan dan kestabilan sahaja-lah negara-negara di rantau ini akan dapat membangun dengan lebih pesat lagi.

Pada masa ini perkembangan di rantau ini menjadi satu perkara yang mendatangkan kebimbangan kepada kita. Oleh itu disamping kita berusaha untuk mewujudkan keamanan kita hendaklah juga menentukan bahawa keselamatan negara sentiasa terjamin.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TLDM di atas kemajuannya setakat ini. Saya menyeru semua pegawai dan anggota TLDM supaya terus tekun dan berusaha untuk meningkatkan lagi khidmat baik mereka demi kepentingan dan keselamatan negara. Khidmat dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh setiap anggota TLDM adalah dihargai oleh rakyat keseluruhannya.

Akhir kata kepada KD Sri Indera Sakti serta pegawai-pegawai dan anak-anak kapalnya, saya berdoa kehadiran Allah semoga diberi perlindungan dan selamat menjalankan tugas.